
NOTA PERCAKAPAN
YAB DATUK AMAR HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF
TIMBALAN PERDANA MENTERI & MENTERI PERALIHAN TENAGA
DAN TRANSFORMASI AIR

OPS TIRIS 4.0 (BERSEPADU) DIPERKUKUH
BAGI MENANGANI KESAN KRISIS GLOBAL
6 APRIL 2026 (ISNIN) | PUTRAJAYA

Bismillahir-rahmanir-rahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI

1. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 11 Mac 2026 telah memutuskan pengaktifan Jawatankuasa Tertinggi Penyelarasan Antara Agensi Penguatkuasaan Bagi Membanteras Ketirisan dan Penyeludupan (JTPAP). Jawatankuasa ini dianggotai oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) selaku urus setia, Kementerian Dalam Negeri (KDN), Kementerian Pertahanan (MINDEF), Kementerian Pengangkutan (MOT), Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak termasuk agensi-agensi penguatkuasaan berkaitan.
2. Pengaktifan jawatankuasa tertinggi ini adalah bertujuan untuk memperkasa penguatkuasaan dan pemantauan ketirisan barang kawalan. Tindakan ini diambil susulan krisis tenaga global akibat konflik Asia Barat yang telah meningkatkan risiko penyelewengan

dan penyeludupan barang kawalan khususnya bahan api diesel dan petrol.

3. Mesyuarat kali pertama telah diadakan pada 16 Mac 2026 yang antara lain telah memutuskan agar diperkukuhkan kerjasama strategik merentasi semua badan penguatkuasaan dan agensi kerajaan berkaitan bagi pelaksanaan OPS Tiris 4.0 (Bersepadu) berkuat kuasa pada 16 Mac 2026.
4. Dalam menjamin kelangsungan bekalan tenaga, antara fokus utama Kerajaan adalah bukan sahaja (i) memastikan kestabilan bekalan, malah mengambil langkah segera untuk (ii) memperketat kawalan dan pemantauan pengedaran.
5. Menerusi OPS Tiris 4.0 (Bersepadu) bermula dari 16 Mac hingga 5 April 2026, telah merekodkan 8,148 jumlah pemeriksaan dan menghasilkan 155 kes:
 - i. 60 kes melibatkan diesel dengan nilai rampasan lebih RM2.1 juta
 - ii. 47 kes melibatkan petrol RON95 dengan rampasan bernilai RM51,299.
 - iii. 21 kes melibatkan LPG dengan rampasan berjumlah RM37,822.
 - iv. 27 kes melibatkan minyak masak, gula dan tepung gandum.
6. Hari ini juga, satu mesyuarat susulan JTPAP telah diadakan. Antara keputusan utama mesyuarat yang telah dipersetujui termasuklah:

- i. Menetapkan agensi peneraju utama bagi tiga sektor yang telah dikenal pasti yang meliputi sektor darat yang akan diterajui oleh KPDM. Sektor sempadan akan diterajui oleh PDRM dan sektor perairan akan diterajui oleh APMM, agensi di bawah KDN;
- ii. Mengambil tindakan tegas termasuk menggantung dan membatalkan kelulusan fleet card di bawah Skim Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) dan subsidi diesel nelayan sekiranya berlaku penyalahgunaan;
- iii. Mempertingkat dan memperkukuh kawal selia ke atas aktiviti bunkering;
- iv. Mewujudkan Pasukan Khas (task force) OPS TIRIS 4.0 (Bersepadu) Bagi (a) Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan (b) Sarawak yang masing-masing akan dipengerusikan secara bersama oleh Setiausaha Persekutuan dan Setiausaha Kerajaan Negeri. KPDM Negeri akan menjadi sekretariat kepada kedua-dua task force ini. Task Force ini akan turut melibatkan agensi-agensi di peringkat negeri yang berkenaan; dan
- v. Memperluaskan pelaksanaan SKDS melalui penggunaan fleet card untuk Sektor Pengangkutan Darat Barangan di Sabah, Sarawak dan W.P Labuan.

7. Beberapa syor strategik hasil daripada mesyuarat ini juga akan dikemukakan kepada Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN)

secara berkala sebagai langkah tambahan memastikan kestabilan bekalan negara.

8. Kerajaan hari ini amat prihatin terhadap **ketidaktentuan geopolitik global**, khususnya konflik yang sedang berlaku di Asia Barat. Kita sedar bahawa situasi ini mempunyai potensi besar untuk menjejaskan rantaian bekalan dunia serta mencetuskan ketidakstabilan harga tenaga dan barangan keperluan utama.

9. Namun, saya ingin menegaskan di sini: **Kerajaan tidak akan membiarkan rakyat terkesan akibat gangguan bekalan**. Kita telah memperkukuh kesiapsiagaan melalui langkah-langkah strategik dan bersepadu bagi memastikan keterjaminan bekalan di pasaran tempatan kekal terkawal.

Sekian. Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YAB DATUK AMAR HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF
PUTRAJAYA
6 APRIL 2026